




BISIK

Syaihan Syafiq

[Download now](#)

[Read Online](#) ➔

BISIK

Syaihan Syafiq

BISIK Syaihan Syafiq

Mikael berpindah rumah selepas teman serumahnya mati terjatuh dari balkoni. Namun di pangsapuri baru, *Mikael* mula hilang ingatan dan didatangi **BISIK** yang muncul secara rawak.

Tambah mengelirukan apabila teman serumah barunya *Nazzman*, ialah seorang yang amat mencurigakan; biarpun tidak mempercayainya secara penuh, *Mikael* melihat *Nazzman* sebagai orang yang mampu membantu memulihkan ingatannya.

Mikael juga mula menjalin hubungan dengan *Suraya*, perempuan yang pernah menjadi kekasih bekas teman serumahnya. Namun apabila kejadian tragis menimpa *Suraya*, *Mikael* mengesyaki *Nazzman* sebagai dalang.

Apakah punca bisik-bisik yang mengganggu *Mikael*?

Dan siapakah *Nazzman* sebenarnya?

Novelis : Syaihan Syafiq

Md. Syaihan Syafiq bin Mohd. Anuar lahir di Kelantan tetapi dibesarkan sepenuhnya di Pulau Pinang. Lima tahun di Penang Free School adalah katalis kepada minat untuk mula menulis. Mengambil jurusan TESL di Universiti Kebangsaan Malaysia, namun masih mahu terokai bidang penulisan secara serius. Seorang penggemar kucing, teh tarik dan teater. Pencapaian terbaik dalam bidang teater setakat ini adalah tempat ketiga mewakili UKM untuk Festival Teater MAKUM 2011. Punya blog ngomelsikit.blogspot.com dan twitter [@shandye](https://twitter.com/shandye) tetapi agak malas berada di atas talian. Pada tahun 2012, penulis menjalani praktikal di Alor Gajah, Melaka.

Rekabentuk dan rekaletak : teckhee.blogspot.com

Perunding : Amaruhizat, Amir Muhammad & Hani Amira Suraya

Cetakan Pertama : April 2012

Cetakan Kedua : Ogos 2012

Cetakan Ketiga : Disember 2012

Cetakan Keempat : Jun 2013

Cetakan Kelima : April 2014

Cetakan Keenam : Mei 2014

Cetakan Ketujuh : Ogos 2014

BISIK Details

Date : Published April 1st 2012 by Buku Fixi (002016254-V)

ISBN :

Author : Syaihan Syafiq

Format : Paperback 295 pages

Genre : Novels, Horror, Mystery, Thriller

 [Download BISIK ...pdf](#)

 [Read Online BISIK ...pdf](#)

Download and Read Free Online BISIK Syaihan Syafiq

From Reader Review BISIK for online ebook

Ras says

Saya tahu pasal gangguan mental '*split personality*' sebab pernah tengok filem tamil *Anniyan*. Dan bagi saya filem tu memang best sangat.

Disebabkan dah faham macam mana kesan gangguan '*split personality*' melalui filem tu maka saya senang nak faham kisah Mikael dalam *Bisik ni*. Yang pastinya penghidap sakit ini boleh memberi ancaman besar kepada orang-orang yang berada di sekelilingnya kalau dah jadi tahap serius.

Tengok je lah watak Mikael yang menjadikan Freddy, Suraya, Man dan Julia sebagai mangsanya. Kucing pun jadi mangsa. Tapi cara Mikael membunuh dan kerat mayat tu macam tak thrill sangat...

Jujurnya saya terus ikuti buku ini sebab:

- tertarik dengan penyakit *split personality* yang diguna sebagai tema buku ini. Dah boleh teka guna tema ni bila muncul watak Nazzman. Bonus juga sebab dah pernah tengok *Anniyan*

- juga sebab saya takda masalah dengan gaya penceritaan penulis ini

Tapi secara keseluruhannya saya rasa buku ni biasa-biasa je. Jalan ceritanya takda lah sampai buat saya rasa nak cakap "*Wah bestnya*" atau buat saya rasa suspen terlebih. Lagipun bila kita dah boleh teka Mikael ni ada masalah mental kita tinggal nak tahu macam mana peleraianya je. Lepas dah tahu ending saya pun cakap dalam hati "*Oh, macam tu*" dan "*Ok, habis juga akhirnya*". Tapi saya masih suka buku ni dan nak baca siri seterusnya.

Sarah Yasmin says

Buku yang bertajuk Bisik ni serious psycho dan bila kita baca, kita dapat tahu consequences tentang ape yang sebenar-benarnya berlaku. Mikael, bekerja sebagai kolumnis yang baru pindah rumah kerana ingin melupakan insiden teman serumahnya, Amran yang meninggal akibat terjatuh dari balkoni. Peristiwa-peristiwa pelik yang terjadi seakan-akan hilang dan tidak pernah ada dalam memori Mikael. So, dari awal lagi aku dah agak, ada something wrong dengan Mikael tu. Paling tak boleh lupa, bila buku ni cerita peristiwa Mikael (or Miki) dengan 'seseorang', bermain doktor-doktor bersama. Serius rasa macam real pulak mereka bedah kucing ! Kejam laaa ! Haha, btw aku enjoy je baca buku ni. Sebab sempoi je bahasa dia.

Noor Hanis says

Cerita yang disampaikan begitu menarik sekali. Cuma yang kurang bestnya, ada aku baca review yang mengandungi spoiler. Mana syok!

Biasalah, buku Fixi. Temanya urbanisasi. Pengkid, gigolo, lesbian yakni musahaqah dan lain-lain lagi. Yang sedihnya, semua perempuan yang Mikael setubuhi mati dalam keadaan yang sangat tragis.

Kalaulah aku tidak baca spoiler tu... mungkin lebih lagi aku boleh beri.

Jerry Ghazali says

Bagi pembaca yang pernah menonton filem *Fight Club* arahan David Fincher, naratif novel ini amat mudah dijangka. Bagi pembaca yang tak mengenal *Ubermench* pasti pada awalnya menyangka novel ini tak lebih sekadar bersifat *supernatural*.

Babak kerat-kerat mayat agak tak kesampaian bagi aku. Aku harap babak kerat-kerat dan pelupusan mayat biarlah nampak terperinci macam dalam filem, *Cold Fish* arahan Shion Sono kerana babak tersebut lantas mengingatkan aku akan filem Jepun yang diterbitkan sekitar tahun 2010 itu.

Terlampau banyak *typo error* dalam novel ini. Kesilapan ini tak patut berlaku untuk tahun kedua novel FIXI ini. Kesilapan seperti itu ternyata amat mengganggu pembaca berjenis teliti dan peduli.

Khrlhsym Khrlhsym says

mungkin kerana aku sudah biasa membaca cerita sebegini menyebabkan aku rasa biasa ngerinya. jalan cerita yang menarik, tapi dari awal dah boleh teka watak nazzman tu siapa.

part potong-potong tu buat aku lapar. lagi-lagi part kucing. haha.

Dayang Noor says

Some parts of this novel really send shivers down my spine. The gruesome scenes are explained in great detail and I was reading it way past midnight at my study table - alone.

Why there's a cat on the cover, you ask? Well, let's just say that one of the gruesome scenes is more controversial than the 'Pet Knode' case (if you still remember that case).

When I read the blurb, I thought Nazzman's character will be so evil. However, as I read further he seemed like a damn cool guy who would just appear from nowhere to surprise his flatmate, Mikael. Only in a few scenes he did some of the un-thinkables.

I didn't quite understand Mikael at first. Maybe it's because most of the guys I know would never date their dead friend's girlfriend. But things become clearer towards the end of the book.

nzyilla says

Novel fiksyen #2 yang saya baca keluaran fixi selepas Gantung - Nadia Khan.

Kurang bintang sebab tak suka dengan menjadikan kucing sebagai bahan eksperimen untuk dibunuh oleh Mikael/Miki/Kael. Lagipun, ada perkataan yang saya geli, tak suka tengok bila ada dalam buku yang saya baca. Ya, saya tahu, konsep fixi macam mana tapi kena hadap je la, perkataan tu. :)

Saya baca buku ni dengan dah tahu siapa sebenarnya 'Nazzman'. Terus baca sebab nak tahu apa yang terjadi pada Nazzman yang sebenar dan kisah Shah & Julia.

Harapnya, sekuel Koyak & M takkan kecewakan saya. Masih belum memiliki 2 buku ni tapi memang ada perancangan nak beli & baca. Ya la, rasa macam tak best pula baca buku yang pertam tapi tak baca buku yang kedua & ketiga.

Muhammad Fatrim says

Baca buku ni 5 kali. Tak jemu2! Memang minat genre psiko-psiko bagai ni, lantaklah apa jenis psiko atau fobia, memang aku akan baca ulang2. Eh! Itu pun ada gak tu dalam jenis2 orang baca ulang2 satu buku dalam sehari. Okey, nanti try carik!

Aku ada buat review cket kat blog. Manalah tahu yang ada yang tak beli novel baik macam ni, rugi kot.
<http://pearlpett.blogspot.com/2012/10...>

Fadzli Jamaludin says

NGERI & MENTAL tatkala sampai ke penghabisan cerita...Novel thriller yang sedikit sebanyak mengelirukan pembaca...apatah lagi dengan kewujudan Nazzman, teman serumah kepada Mikael (watak utama)...Ceritanya berkisar kisah hidup Mikael, yg berpindah ke rumah baru setelah berlakunya 1 pembunuhan yg melibatkan rakan serumah nya, Amran...

Apa kaitan gambar kucing pada muka hadapan??? Jeng3X...Haiwan tersebut merupakan haiwan kegemaran Mikael untuk melakukan kajian...Kajian apa??? Itu kena baca sendiri...

Kehidupan zaman kanak2 Mikael yang agak suram & kelam, malahan kehilangan orang2 tersayang seorang demi seorang menyebabkan kehidupan dewasanya sedikit bermasalah...apatah lagi secara tiba2, Mikael kehilangan memori tentang sesuatu kejadian...ini menyebabkan Mikael semakin Paranoid dengan keadaan sekeliling...

Tatkala meniti ke penghujung cerita, sedikit sebanyak aku dapat agak apa yang berlaku sebenarnya pada Mikael itu sendiri...

Novel ini masih boleh di layan, hanya ada sedikit babak SX yg berkaitan dengan perjalanan cerita...& penulis kiranya berjaya juga menimbulkan persoalan terhadap apa yg berlaku kepada pembaca...mudah2an untuk novel akan datang akan ada peningkatan!!

Hilmi Isa says

Bisik mengisahkan Mikael yang berpindah ke pangsapuri yang baharu selepas bekas rakan serumahnya, Amran meninggal dunia akibat terjatuh dari balkoni pangsapuri kediaman lamanya dulu. Tujuannya berpindah adalah untuk memulakan hidup baru dan melupakan peristiwa ngeri kematian Amran. Dengan bantuan Shah (seorang pengkid yang menjadi sahabat Mikael sejak belajar di universiti dahulu) dan Julia (seorang lesbian yang merupakan 'kekasih' kepada Shah), Mikael akhirnya berjaya mendapatkan tempat kediamannya yang baharu.

Namun, apa yang memelikkan Mikael adalah sikap Nazzman, rakan serumahnya yang baharu itu yang pelik. Nazzman bukanlah seorang yang selalu 'lekat' di rumah. Sentiasa sahaja 'menghilang'. Mikael juga mengenali Nazzman dengan cara yang tidak disangka-sangka. Tambah merumitkan keadaan, Mikael sering kali mengalami 'selective amnesia' atau kehilangan memori seketika. Malahan, sejak menjejakkan kaki di pangsapurnya yang baharu ini, terdapat banyak perkara yang berlaku ke atasnya? Apakah sebenarnya yang terjadi kepada Mikael? Adakah tempat kediamannya itu 'berhantu' sehingga mengganggu kelancaran hidupnya? Dapatkan jawapannya dengan membaca novel Bisik ini!

Sebelum saya memulakan ulasan saya mengenai novel Bisik, hasil tulisan Syaihan Syafiq ini, saya ingin menyatakan ciri-ciri yang terdapat di dalamnya. Penulis menggunakan perspektif orang pertama di dalam penceritaan (naratif). Yakni, penceritaan di dalam novel adalah berdasarkan kaca mata watak utama novel ini, iaitu Mikael. Bahasa yang digunakan di dalam novel terutamanya di dalam dialog adalah Bahasa Melayu Rojak (BMR). Terdapat percampuran bahasa Melayu dan Inggeris di dalam kebanyakan dialog. Tambahan pula, gaya dan lenggok dialog menonjolkan gaya percakapan seperti orang yang tinggal di Kuala Lumpur (KL) (sesuai dengan latar belakang/lokasi jalan cerita novel). Manakala, bahasa yang digunakan dalam bahagian naratif menggunakan Bahasa Melayu Tinggi (BMT). Namun demikian, berdasarkan pemerhatian saya, walaupun menggunakan BMT, tarafnya tidak boleh disamakan dengan standard BMT yang biasa kita dapati di dalam novel-novel yang menggunakan BMT secara teliti dan teratur. Tampaknya seperti penulis menggunakan gayanya yang tersendiri ketika melakukan naratif. Selain itu, loghat dan dialek bahasa Melayu-Kelantan juga digunakan di dalam beberapa dialog. Terdapat juga unsur-unsur 18SX di dalam novel ini. Tetapi, saya berpendapat, ianya tidaklah melampaui batas.

Pada pendapat saya, novel ini berjaya dihasilkan dengan baik. Secara peribadi, saya menerima dan menyukai bagaimana penulis mempersembahkan penceritaan novelnya. Namun begitu, jika kita mengharapkan gaya dan mutu penulis Bisik ini menyamai hasil tulisan Ramlee Awang Murshid (RAM) (penulis thriller nombor satu Malaysia), mungkin akan ada antara kita yang hampa. Sememangnya terdapat perbezaan yang ketara. Jika RAM mampu 'memperdayakan' dan memberikan kejutan ketika membaca novel-novelnya (seperti Rahsia Perindu dan Fiksyen 302), tidak pada novel Bisik ini. Saya sedikit sebanyak dapat mengagak perkaitan antara Nazzman dan Mikael serta siapakah watak Mikael yang sebenarnya. Namun, dari aspek yang lain pula, penulis juga mempunyai kelebihan yang tersendiri. Penulis memiliki kebolehan untuk menulis perincian, babak atau naratif yang mengerikan, terutamanya apabila membincangkan sesuatu perkara yang kelihatan abnormal dan psikotik!

Namun demikian, saya tidak mahu mengulas lanjut mengenai jalan ceritanya supaya tidak berlaku 'spoiler'. Apapun, saya masih beranggapan novel ini dihasilkan dengan baik dan agak teliti serta berkualiti penghasilannya. Novel ini masih menghiburkan untuk dibaca. Saya juga mengharapkan penulis novel ini, Syaihan Syafiq, untuk terus menulis kerana beliau mempunyai potensi untuk menjadi penulis yang berbakat besar. Teruskan berkarya saya ucapkan kepada beliau!

Fatini Zulkifli says

Muka surat 128/295

Novel FIXI press dengan cerita tema *psychological issue and mental disorders* tidak dapat dipisahkan. Awal-awal boleh *sense* Mikael ada *illness*. Semenjak dia cakap Nazzman (*housemate* baru) selalu menghilang bila kawan-kawan yang lain nak jumpa. Mikael ni *schizophrenic* ye? Dia ada *imaginary friend*.

Tapi tahu la betul ke tak hipotesis aku ni. Sambung baca.

Muka surat 129/295

Okay hipotesis aku salah. Sebab muka surat ni cakap "Macam mana nak hendak pulang rumah sedangkan aku ke sini pun sebab Nazzman yang pandu kereta ... " *Nazzman is not an imaginary friend* sebab dia pandu kereta. Kiranya Mikael bukan *schizophrenic*.

Tapi sebelum ni, Mikael di-diagnose ada *selective amnesia*. Mana tahu dia lupa yang dia yang bawa kereta. Bukan Nazzman. Kiranya Mikael ni ada *selective amnesia* dan *schizophrenia*?

Muka surat 295/295

Okay hipotesis sebelum ini agak masuk akal. Mikael ini ada 2 *psychological issues at the same time* iaitu *selective amnesia* dan *schizophrenia*. Nazzman (nama dia sama dengan pemilik rumah sewa yang Mikael duduk) ialah kawan ghaib dia yang selalu teman dia semasa kecil. Yang berbisik benda-benda dekat telinga Mikael. Alah. Macam filem *A Beautiful Mind* (2001), pasal Prof. John Nash tu.

Mikael nampak Nazzman lapah mayat dan angkut mayat Suraya yang telah dipotong-potong kecil untuk dilupuskan. Tapi yang buat tu semua ialah diri dia sendiri iaitu Mikael. Cuma dia lupa sebab diakan ada *selective amnesia*. Dia hilang ingatan dia yang buat semua tu. Kemudian, dia duk nampak Nazzman *the imaginary friend* yang buat.

Kemudian, muka surat "Macam mana nak hendak pulang rumah sedangkan aku ke sini pun sebab Nazzman yang pandu kereta ... " Bukan Nazzman yang pandu kereta, Mikael yang pandu tapi Mikael lupa. Nazzman tak pernah wujud.

Sebagai seorang yang telah didedahkan secara formal tentang masalah psikologi macam *schizophrenia*, *split personality*, *Stockholm syndrome*, *bipolar*, aku rasa ceritanya okaylah. Bagi 3.5 bintang.

Apa yang aku belajar, benda ini ada kaitan dengan keadaan ruh kita, *the state of our ruh*. Dengan suasana kehidupan Mikael yang agak kebaratan dan sejarah hidup dia, patutlah dia jadi macam tu.

Hari tu, aku dengar ceramah tentang "Islamization of Psychology" dekat UIA dari Prof. Dr. Malik Badri. Beliau kongsi kajian daripada pelajarnya. Kajian pelajar itu sebenarnya untuk master's thesis tapi sebab hebat sangat, di-update terus ke PhD. Hasil kajian, pesakit yang dirawat dengan pil-pil daripada doktor (fizikal) DAN dengar ayat-ayat ruqyah setiap hari (*spirituality*) shows a significant improvement in terms of their behaviour. Mereka lebih tenang.

Jadi untuk merawat Mikael, mungkin kena pay a close attention dekat kesihatan ruh dia.

Baiti Yusuf says

Assalam.

Selama sehari aku baca BISIK. Dari tajuk dia aku ingat cerita hantu. Tapi pasal split personality rupanya. Aku mula teringat novel RAHSIA PERINDU by RAM. Cerita tu macam ni jugak pasal keliru personaliti ni. Yang berbeza adalah watak yang split personaliti tu dia ada banyak personaliti. Hee, aku enjoy baca!

Pasal penggunaan kosa kata agak meluas. Aku ada jugak jumpa perkataan yang membuat aku terpanggil-panggil nak buka kamus dewan. Tapi niat kudus tu aku tahan kejap sebab nak habiskan jugak naskhah ni. Bagus sebab banyak perkataan dapat aku belajar.

Cerita dia okey. Tergantung. Of course ada sambungannya KOYAK. Aku dah siap letak tepi sebab lepasni aku nak baca terus.

Masa mula-mula baca aku dapat agak yang watak si Mikael ni pelik sikit. Bab nota "Jgn ganggu. Bz" tu aku rasa macam dah dapat tangkap yang budak tu memang ada masalah sikit. Tapi aku tertipu dengan jalan cerita yang si Man ni wujud betul-betul. Hmm, tapi ada musykil pasal sesuatu. Suraya dengan Yaya tu orang lain-lain ehh? Suraya tu siapa sebenarnya? BFF kakak dia betul? Yaya? Orang lain? Individu lain? Ada dalam KOYAK tak?

Aku ada buat sikit hipotesis. Aku rasa Mikael dengan Man adalah orang yang sama. Lama-lama baca baru aku yakin. Ya, mamat berdua ni memang orang yang sama. Tapi aku agak terganggu dengan cerita flashback. Aku terganggu dengan watak Miki. Tapi haaaa, at last. Aku sengih kerang. Hipotesis aku diterima. Inilah kesan suka baca novel RAM. Suka saja buat hipotesis tak tentu pasal.

Aku nak tau lebih pasal mak dia. Tapi hasrat aku hampa. Penulis tak bagitau lebih pun pasal mak dia. Watak tambahan tak penting barangkali. Mak dia ke mana? Dah temui kebahagiaan dia kah? Tak apa, akan aku baca KOYAK untuk puaskan hati aku lagi. Heee

Hmm, bab kucing. Bab lapah mayat. Aku still tak berapa nikmat masa baca. Bab ni la kemuncak pembacaan. Kalau penulis cerita lebih dan detail pasal ni, lagi gempak, lagi power. Hee, aku suka bab-bab bunuh ni. Tapi kalau tengok cerita bunuh, aku yang duduk belakang sekali. Jadikan budak-budak lain sebagai pendinding kalau tengok kat asrama. Serious aku tak boleh pergi tengok cerita bunuh.

Okey, dah banyak sangat membebel. Over all, good. Bahan bacaan yang baik. Cuma adik-adik sekolah menengah kot kurang sesuai sikit. Sikit saja tak banyak. Hahaha

3 bintang!

Nisa says

Hampir separuh bacaan baru Nisa faham kenapa cover novel ni gambar kucing..dan kisah kucing itu juga buat Nisa menangis...

Bisik mengisahkan tentang Mikael yang mencari rumah sewa baru setelah kematian tragis rakan serumahnya

Amran, dengan bantuan rakannya Shah (si penkid) dan Julia (si lesbian dan juga kekasih Shah) Mikael berjaya mendapat rumah sewa.

Namun, Mikael pelik dengan rakan serumahnya Nazzman yang sering muncul tanpa disangka-sangka. Mikael juga, mengalami masalah hilang ingatan sementara. Mikael kemudiannya, bertemu dengan Suraya bekas tawan wanita Amran. Lalu, Mikael menjalin hubungan cintanya dengan Suraya. Kematian Suraya membuatkan Mikael menyalahkan Nazzman.

Kisah Mikael ini juga diselang selikan dengan kisah kanak2 bermasalah, Miki dan rakannya. Dipertengahan cerita Nisa sudah boleh agak siapa Miki sebenarnya dan siapa yang menyebabkan kematian kakak Mikael.

Khairul Hezry says

Seperti seorang reviewer di dalam Goodreads ni tulis, kalau arif dgn *Fight Club* oleh Chuck Palahniuk atau pernah tonton *Secret Window* yg dibintangi Johnny Depp, maka novel ni boleh diteka awal-awal lagi. Kualiti karangannya tidaklah teruk. Kebetulan buku ini dibaca selepas membaca *INVASI* yang pada saya ialah antara buku yang kurang bermutu untuk tahun 2012 dan membaca *Bisik* ialah seperti menghidu bau wangi-wangian selepas terpaksa bergelumang di dalam timbunan sampah. Namun ia masih agak *predictable*, mengingatkan saya kepada *NGERI* yang juga boleh teka awal-awal penyudahannya.

Syahira Sharif says

Bisik is a psychological thriller novel about a columnist, Mikael who is starting his life at a new place away from his most recent past. He faced several oddities along the way like his mysterious roommate, his black outs, his occasional memory of his long dead sister, his attraction to a certain woman and his friends' problems and random conversations he had with himself. As the story goes on, *Bisik* started to go even darker and psychedelic.

Mikael is quite a normal guy that you would expect from contemporary male fiction. However, I do feel weird about the bulk of female friends the guy have. I suppose its normal for a guy these days but I do find the drama is quite unnecessary. There are also violence in this book which I, myself, will naturally embrace but I do find the gore to be unconvincing ---- until I read the cat scene. Ironically, I love the cover and that scene definitely showcased the author's potential and it does worth it if you want to get this book just for it.

I had tried to be more fresh-minded with the book since I've been spoiled by these two word from some of the review. Truthfully, had I not known about these novel/movie, I would think *Bisik* is quite a very fine read on its own, even better than *Pecah* or *Kasino* in that matter. However, since I do know and watch the Brad Pitt and Edward Norton movie, the book somehow failed to bring originality and unpredictability in my eyes.

It was in the middle of the story that I started to feel some of the scenes the book somehow plagiarized the movie. Its harsh, but its the reality of it. I hope the publisher never consider the book to a movie adaptation. It would be interesting had the script rewritten in different way and produce a good Malaysian movie but nonetheless I wouldn't want to see the copyright repercussions from Chuck Palahniuk even if it was several small scenes. It might not be apparent to the newbies but for me, it was terribly unimaginative and certainly terribly unethical to anyone. The idea might not be a plagiarized but the homemade bomb scene.... dude, you

really shouldn't have done that.

For the pulp genre, its really is good, the writing is better in a debut but I do think the overzealous multiple promiscuous scenes and drama that bulk up the book was a filler and we all could do well without and I will look forward to any future books from this author if he didn't repeat the stunt again. I'm serious, just don't.
